# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SABTU 2 SEPTEMBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | BERNAS NAIKKAN HARGA BERAS PUTIH IMPORT, NASIONAL, BH- 3,7 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2. | BERNAS UMUM PELARASAN HARGA BERAS PUTIH IMPORT, NEWS, UM- ONLINE | |
| 3. | BERNAS UMUM PELARASAN HARGA BERAS PUTIH IMPORT, NEWS, WARTA ORIENTAL-ONLINE | |
| 4. | HARGA BERAS PUTIH IMPORT NAIK KEPADA RM3,200 PER TAN METRIK, NEGARA, KOSMO-5 | |
| 5. | BERNAS SELARASKAN HARGA BERAS RM3,200 PER TAN, NEWS, SABAH NEWS-ONLINE | |
| 6. | PENGILANG SETUJU BERI 20 PERATUS KUOTA PADI KEPADA BERNAS – KPKM, NEWS, EDISI 9-ONLINE | |
| 7. | KEMENTERIAN PERTANIAN AMBIL LANGKAH INTERVENSI TINGKATKAN BERAS 20 PERATUS, NEWS, UM-ONLINE | |
| 8. | BERNAS 20%, NEWS, GUANG MING DAILY-ONLINE | |
| 9. | KPKM TINGKATKAN 20 PERATUS BEKALAN BERAS PUTIH TEMPATAN, NEWS, SUMBERKINI-ONLINE | |
| 10. | PENGILANG PADI, PEMBORONG BERAS DIMINTA TINGKAT BEKALAN, NEWS, MYMETRO-ONLINE | |
| 11. | GUNA TANAH TERBIAR UNTUK TANAM LEBIH BANYAK PADI – CAP, NEWS, SH-ONLINE | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | BERNAS naikkan harga beras putih import | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 02 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 3,7 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 205 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,814 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,443 |


BH
RM4,510 gaji penengah sektor perkilangan mulai 2030



# Harga jualan beras putih import naik kepada RM3,200 satu tan

*Nasional* 7

Powered by: isentia

| Headline | BERNAS naikkan harga beras putih import | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 02 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 82,252 |
| Page No | 3,7 | Readership | 246,756 |
| Language | Malay | ArticleSize | 205 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,814 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,443 |

# BERNAS naikkan harga beras putih import

**Kuala Lumpur:** Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) menyelaraskan harga jualan beras putih import seluruh negara daripada RM2,350 satu tan kepada RM3,200 berkuat kuasa semalam.

BERNAS berkata, langkah pelarasan itu juga sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

Melalui kenyataan semalam, katanya, BERNAS mengharungi separuh tahun pertama yang sangat mencabar disebabkan ketidaktentuan pelbagai faktor luaran seperti perubahan iklim, kadar pertukaran mata wang asing yang semakin lemah, kos operasi yang tinggi dan konflik serantau.

Katanya, faktor itu secara kolektif mencetuskan kesan ketara ke atas pasaran dagangan beras global, ditambah lagi dengan kesan larangan pengeksportan beras putih yang diumumkan oleh India baru-baru ini.

"BERNAS telah menanggung kesan kenaikan harga beras import sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Walau bagaimanapun, akibat ketidakpastian keadaan semasa dan setelah mempertimbangkan keperluan untuk memastikan operasi perniagaan yang mampan dan kestabilan industri, pelarasan harga adalah perlu dan tidak dapat dielakkan buat masa ini," katanya.

Seiring langkah peningkatan harga itu, BERNAS komited terus memberi jaminan bekalan beras akan kekal stabil untuk Malaysia kerana keselamatan makanan dan kepentingan rakyat kekal menjadi keutamaannya.

Kumpulan juga, katanya menjalin kerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, agensi dan pihak berkuasa yang berkaitan serta rakan dagang antarabangsa bagi tujuan itu.

Katanya, walaupun pasaran makanan global kini tidak menentu dan kian mencabar, BERNAS kekal utuh dan berdaya saing.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bernas umum pelarasan harga beras putih import | | |
| MediaTitle | Utusan (www.utusan.com.my) | | |
| Date | 02 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 6 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,000 |

# Bernas umum pelarasan harga beras putih import

PETALING JAYA: Padiberas Nasional Berhad (Bernas) mengumumkan pelarasan harga jualan beras putih import di pintu gudangnya seluruh negara daripada
RM2,350 per tan metrik kepada RM3,200 per tan metrik berkuatkuasa mulai 1 September sejajar dengan harga te...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bernas umum pelarasan harga beras putih import | | |
| MediaTitle | Warta Oriental (wartaoriental.com) | | |
| Date | 02 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,000 |

# Bernas umum pelarasan harga beras putih import

PETALING JAYA: Padiberas Nasional Berhad (Bernas) mengumumkan pelarasan harga jualan beras putih import di pintu gudangnya seluruh negara daripada RM2,350 per tan metrik kepada RM3,200 per tan metrik berkuatkuasa mulai 1 September sejajar dengan harga ter...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Harga beras putih import naik kepada RM3,200 per tan metrik | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 02 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | Negara | Circulation | 155,996 |
| Page No | 5 | Readership | 467,988 |
| Language | Malay | ArticleSize | 233 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,070 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 18,210 |



# Harga beras putih import naik kepada RM3,200 per tan metrik

**PETALING JAYA** – Harga jualan beras putih import seluruh negara diselaraskan daripada RM2,350 kepada RM3,200 per tan metrik berkuat kuasa semalam.

Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dalam kenyataan berkata, pelarasan itu sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

Menurut Bernas, pihaknya telah mengharungi separuh tahun pertama yang mencabar akibat ketidaktentuan pelbagai faktor luaran seperti perubahan iklim, kadar pertukaran mata wang asing semakin lemah, kos operasi yang tinggi serta konflik serantau.

"Faktor-faktor ini secara kolektif telah mencetuskan kesan ketara ke atas pasaran dagangan beras global, ditambah lagi dengan kesan larangan pengeksportan beras putih yang diumumkan India.

"Selepas mempertimbangkan keperluan untuk memastikan operasi perniagaan yang mampan dan kestabilan industri, pelarasan harga adalah perlu dan tidak dapat dielakkan," katanya menerusi kenyataan tersebut semalam.



**HARGA jualan terkini beras putih import kini meningkat kepada RM3,200 berkuat kuasa semalam.**

Dalam pada itu, Bernas turut bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dan agensi berkaitan serta rakan dagang antarabangsa bagi menjamin bekalan beras yang stabil.

"Meskipun pasaran makanan global kini tidak menentu dan kian mencabar, Bernas kekal utuh dan berdaya saing.

"Kami turut mengambil langkah yang bersesuaian dalam menjamin daya tahan pasaran beras domestik dengan memastikan kualiti, kestabilan harga dan ketersediaan produk. Ini adalah peranan kami sebagai *gatekeeper* tunggal bagi padi dan beras negara," ujarnya.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | BERNAS Selaraskan Harga Beras RM3,200 Per Tan | | |
| MediaTitle | Sabah News (sabahnews.com.my) | | |
| Date | 02 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 2 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,000 |

# BERNAS Selaraskan Harga Beras RM3,200 Per Tan

KUALA LUMPUR – Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) menyelaraskan harga jualan beras putih import seluruh negara daripada RM2,350 satu tan kepada RM3,200 satu tan berkuat kuasa semalam.
Memetik sumber Berita Harian , BERNAS dalam satu kenyataan berkata, langk...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pengilang setuju beri 20 peratus kuota padi kepada Bernas – KPKM | | |
| MediaTitle | Edisi 9 (www.edisi9.com.my) | | |
| Date | 02 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,000 |

# Pengilang setuju beri 20 peratus kuota padi kepada Bernas – KPKM

PIHAK pengilang padi telah bersetuju untuk memberikan tambahan 20 peratus kuota padi mereka kepada kerajaan melalui Padiberas Nasional Berhad (Bernas).
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi kenyataan berkata, persetujuan itu dica...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kementerian Pertanian ambil langkah intervensi tingkatkan beras 20 peratus | | |
| MediaTitle | Utusan (www.utusan.com.my) | | |
| Date | 02 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 6 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 24,000 |

# Kementerian Pertanian ambil langkah intervensi tingkatkan beras 20 peratus

KUALA LUMPUR: Kerajaan melaksanakan langkah intervensi bagi meningkatkan bekalan beras putih tempatan di pasaran sebanyak 20 peratus.
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berkata, pihak pengilang padi telah bersetuju memberi tambahan 20 ...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | BERNAS20% | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily (www.guangming.com.my) | | |
| Date | 02 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 3 |
| Language | Chinese | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,800 |

# BERNAS20%

220%BERNASBERNAS
“”20%“82720%BERNAS”“”BERNAS...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | KPKM Tingkatkan 20 Peratus Bekalan Beras Putih Tempatan | | |
| MediaTitle | SumberKini (sumberkini.my) | | |
| Date | 02 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,000 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,000 |

# KPKM Tingkatkan 20 Peratus Bekalan Beras Putih Tempatan

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang giat melaksanakan langkah intervensi bagi meningkatkan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran.
Antara langkah yang diambil adalah meminta pihak pengilang padi dan pemborong be...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pengilang padi, pemborong beras diminta tingkat bekalan | | |
| MediaTitle | MyMetro (www.hmetro.com.my) | | |
| Date | 02 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 4 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,400 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,200 |

# Pengilang padi, pemborong beras diminta tingkat bekalan

Putrajaya: Pengilang padi dan pemborong beras diminta untuk meningkatkan bekalan beras putih tempatan (BPT) sebanyak 20 peratus menerusi Program
Khas Beras Putih Tempatan, sebagai langkah intervensi memulihkan bekalan itu di pasaran. Kementerian Pertania...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Guna tanah terbiar untuk tanam lebih banyak padi - CAP | | |
| MediaTitle | Sinar Harian(www.sinarharian.com.my) | | |
| Date | 02 Sep 2023 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 4 |
| Order Rank | 10 | Readership | 4 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,400 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,200 |

# Guna tanah terbiar untuk tanam lebih banyak padi - CAP

GEORGETOWN - Kerajaan digesa supaya menyokong dan memberi insentif kepada petani di seluruh negara untuk menanam lebih banyak padi berbanding tanaman lain.
Pegawai Pendidikan dan Pegawai Semulajadi Pertanian Asli Persatuan Pengguna Pulau Pinang, NV Subba...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Bernas umum pelarasan harga beras putih import

BERNAS
PADIBERAS NASIONAL BERHAD

PETALING JAYA: Padiberas Nasional Berhad (Bernas) mengumumkan pelarasan harga jualan beras putih import di pintu gudangnya seluruh negara daripada RM2,350 per tan metrik kepada RM3,200 per tan metrik berkuatkuasa mulai 1 September sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

Bernas dalam kenyataan memaklumkan, pihaknya mengharungi separuh tahun pertama yang sangat mencabar disebabkan ketidaktentuan pelbagai faktor luaran seperti perubahan iklim, kadar pertukaran matawang asing yang semakin lemah, kos operasi yang tinggi dan konflik serantau.
Katanya, faktor-faktor itu secara kolektif telah mencetuskan kesan ketara ke atas pasaran dagangan beras global, ditambah lagi dengan kesan larangan pengeksportan beras putih yang diumumkan oleh India baru-baru ini.

“Bernas telah menanggung kesan kenaikan harga beras import sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

“Walau bagaimanapun, akibat ketidakpastian keadaan semasa dan setelah mempertimbangkan keperluan untuk memastikan operasi perniagaan yang mampan dan kestabilan industri, pelarasan harga adalah perlu dan tidak dapat dielakkan buat masa ini,” katanya.

Pasaran beras beberapa negara termasuk ASEAN melonjak pada minggu lalu ke tahap tertinggi yang dicatatkan dalam tempoh 10 tahun lalu, berikutan tindakan India melarang eksport beras putih bukan basmati, baru-baru ini.

Misalnya harga gred beras Vietnam lima peratus pecah pada 27 Julai melonjak ke tahap yang belum pernah berlaku sebelum ini, iaitu AS$550 – AS$575 (RM2,500 – RM3,470) setiap tan, menandakan harga tertinggi sejak 2011.

Sementara itu, pasaran beras Thailand juga mengalami lonjakan harga yang selari apabila pada 27 Julai, harga gred beras Thailand lima peratus pecah melonjak pada AS$605-AS$610 (RM2,742 – RM2,765) setiap tan, mencatatkan paras tertinggi dalam tempoh 11 tahun lalu.

Kelmarin, Filipina mengumumkan penetapan harga siling beras bertujuan memastikan kos makanan ruji negara itu terkawal, sekali gus menangani kenaikan harga runcit yang membimbangkan apabila siling bagi beras biasa dan spesial ditetapkan masing-masing 41 peso (RM3.37) serta 45 peso (RM3.69) sekilogram dengan kadar terbabit berkuat kuasa hingga keputusan lanjut oleh Presiden Filipina, Ferdinand Marcos Jr.

Dalam pada itu, Bernas memaklumkan bahawa pihaknya turut bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, agensi dan pihak berkuasa yang berkaitan serta rakan dagang antarabangsa bagi menjamin bekalan beras yang stabil untuk Malaysia kerana keselamatan makanan negara dan kepentingan rakyat kekal menjadi keutamaan syarikat itu.

“Walaupun pasaran makanan global kini tidak menentu dan kian mencabar, Bernas kekal utuh dan berdaya saing. Kami turut mengambil langkah bersesuaian dalam meningkatkan dan menjamin daya tahan pasaran beras domestik dengan memastikan kualiti, kestabilan harga dan ketersediaan produk. Ini adalah peranan kami sebagai pengawal tunggal bagi padi dan beras negara.

“Bernas kekal komited untuk memastikan bekalan beras negara mencukupi, bertindak sebagai penyerap kejutan bagi menghalang kesan negatif akibat ketidaktentuan pasaran beras global semasa dari melanda negara,” katanya.

Kata Bernas, pihaknya akan terus memantau pasaran harga beras antarabangsa dan menyesuaikannya apabila situasi kembali seperti sedia kala.

“Malaysia merupakan negara Asia Tenggara yang masih

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/9/2023 | WARTA ORIENTAL | ONLINE | |

mengekalkan harga import beras terendah,” kata Bernas. – UTUSAN

# Bernas umum pelarasan harga beras putih import

Posted By: Warta Adminon: September 02, 2023In: Nasional

BERNAS
PADIBERAS NASIONAL BERHAD

PETALING JAYA: Padiberas Nasional Berhad (Bernas) mengumumkan pelarasan harga jualan beras putih import di pintu gudangnya seluruh negara daripada RM2,350 per tan metrik kepada RM3,200 per tan metrik berkuatkuasa mulai 1 September sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

Menurut Utusan Malaysia, Bernas dalam kenyataan memaklumkan, pihaknya mengharungi separuh tahun pertama yang sangat mencabar disebabkan ketidaktentuan pelbagai faktor luaran seperti perubahan iklim, kadar pertukaran matawang asing yang semakin lemah, kos operasi yang tinggi dan konflik serantau.

Katanya, faktor-faktor itu secara kolektif telah mencetuskan kesan ketara ke atas pasaran dagangan beras global, ditambah lagi dengan kesan larangan pengeksportan beras putih yang diumumkan oleh India baru-baru ini.

"Bernas telah menanggung kesan kenaikan harga beras import sejak beberapa tahun ke-belakangan ini.

"Walau bagaimanapun, akibat ketidakpastian keadaan semasa dan setelah mempertimbangkan keperluan untuk memastikan operasi perniagaan yang mampan dan kestabilan industri, pelarasan harga adalah perlu dan tidak dapat dielakkan buat masa ini," katanya.

Pasaran beras beberapa negara termasuk ASEAN melonjak pada minggu lalu ke tahap tertinggi yang dicatatkan dalam tempoh 10 tahun lalu, berikutan tindakan India melarang eksport beras putih bukan basmati, baru-baru ini.

Misalnya harga gred beras Vietnam lima peratus pecah pada 27 Julai melonjak ke tahap yang belum pernah berlaku sebelum ini, iaitu AS$550 – AS$575 (RM2,500 – RM3,470) setiap tan, menandakan harga tertinggi sejak 2011.

Sementara itu, pasaran beras Thailand juga mengalami lonjakan harga yang selari apabila pada 27 Julai, harga gred beras Thailand lima peratus pecah melonjak pada AS$605-AS$610 (RM2,742 – RM2,765) setiap tan, mencatatkan paras tertinggi dalam tempoh 11 tahun lalu.

Kelmarin, Filipina mengumumkan penetapan harga siling beras bertujuan memastikan kos makanan ruji negara itu terkawal, sekali gus menangani kenaikan harga runcit yang membimbangkan apabila siling bagi beras biasa dan spesial ditetapkan masing-masing 41 peso (RM3.37) serta 45 peso (RM3.69) sekilogram dengan kadar terbabit berkuat kuasa hingga keputusan lanjut oleh Presiden Filipina, Ferdinand Marcos Jr.

Dalam pada itu, Bernas memaklumkan bahawa pihaknya turut bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, agensi dan pihak berkuasa yang berkaitan serta rakan dagang antarabangsa bagi menjamin bekalan beras yang stabil untuk Malaysia kerana keselamatan makanan negara dan kepentingan rakyat kekal menjadi keutamaan syarikat itu.

"Walaupun pasaran makanan global kini tidak menentu dan kian mencabar, Bernas kekal utuh dan berdaya saing. Kami turut mengambil langkah bersesuaian dalam meningkatkan dan menjamin daya tahan pasaran beras domestik dengan memastikan kualiti, kestabilan harga dan ketersediaan produk. Ini adalah peranan kami sebagai pengawal tunggal bagi padi dan beras negara.

"Bernas kekal komited untuk memastikan bekalan beras negara mencukupi, bertindak sebagai penyerap kejutan bagi menghalang kesan negatif akibat ketidaktentuan pasaran beras global semasa dari melanda negara," katanya.

Kata Bernas, pihaknya akan terus memantau pasaran harga beras antarabangsa dan menyesuaikannya apabila situasi kembali seperti sedia kala.

"Malaysia merupakan negara Asia Tenggara yang masih mengekalkan harga import beras terendah," kata Bernas.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/9/2023 | SABAH NEWS | ONLINE | |

# BERNAS Selaraskan Harga Beras RM3,200 Per Tan


Sekadar gambar hiasan ( Sumber Foto: Gambar carian Google )

KUALA LUMPUR – Padiberas Nasional Bhd (BERNAS) menyelaraskan harga jualan beras putih import seluruh negara daripada RM2,350 satu tan kepada RM3,200 satu tan berkuat kuasa semalam.

Memetik sumber **Berita Harian**, BERNAS dalam satu kenyataan berkata, langkah pelarasan itu juga sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

Ia berkata, BERNAS mengharungi separuh tahun pertama yang sangat mencabar disebabkan ketidaktentuan pelbagai faktor luaran seperti perubahan iklim, kadar pertukaran mata wang asing yang semakin lemah, kos operasi yang tinggi dan konflik serantau.

Katanya, faktor itu secara kolektif mencetuskan kesan ketara ke atas pasaran dagangan beras global, ditambah lagi dengan kesan larangan pengeksportan beras putih yang diumumkan oleh India baru-baru ini.

***"BERNAS telah menanggung kesan kenaikan harga beras import sejak beberapa tahun kebelakangan ini.***

***"WALAU BAGAIMANAPUN, AKIBAT KETIDAKPASTIAN KEADAAN SEMASA DAN SETELAH MEMPERTIMBANGKAN KEPERLUAN UNTUK MEMASTIKAN OPERASI PERNIAGAAN YANG MAMPAN DAN KESTABILAN INDUSTRI, PELARASAN HARGA ADALAH PERLU DAN TIDAK DAPAT DIELAKKAN BUAT MASA INI," KATANYA.***

Seiring dengan langkah peningkatan harga itu, BERNAS memberi jaminan bekalan beras akan kekal stabil untuk Malaysia kerana keselamatan makanan dan kepentingan rakyat kekal menjadi keutamaannya.

Kumpulan juga, katanya menjalin kerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), agensi dan pihak berkuasa yang berkaitan serta rakan dagang antarabangsa bagi tujuan itu.

Katanya, walaupun pasaran makanan global kini tidak menentu dan kian mencabar, BERNAS kekal utuh dan berdaya saing.

***"Kami turut mengambil langkah yang bersesuaian dalam meningkatkan dan menjamin daya tahan pasaran beras domestik dengan memastikan kualiti, kestabilan harga dan ketersediaan produk.***

***"Ini adalah peranan kami sebagai 'gatekeeper' tunggal bagi padi dan beras negara," katanya.***

BERNAS juga akan kekal komited untuk memastikan bekalan beras negara mencukupi, bertindak sebagai penyerap kejutan bagi menghalang kesan negatif akibat ketidaktentuan pasaran beras global semasa dari melanda negara.

Katanya, ia akan terus memantau pasaran harga beras antarabangsa dan menyesuaikannya apabila situasi kembali seperti sedia kala.

***"Malaysia adalah negara Asia Tenggara yang masih mengekalkan harga import beras terendah,"*** katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/9/2023 | EDISI 9 | ONLINE | |

# Pengilang setuju beri 20 peratus kuota padi kepada Bernas – KPKM

Pihak pengilang padi telah bersetuju untuk memberikan tambahan 20 peratus kuota padi mereka kepada kerajaan melalui Bernas. - Gambar Hiasan/KPKM

PIHAK pengilang padi telah bersetuju untuk memberikan tambahan 20 peratus kuota padi mereka kepada kerajaan melalui Padiberas Nasional Berhad (Bernas).

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi kenyataan berkata, persetujuan itu dicapai melalui sesi libat urus bersama pihak industri pengilang padi dan pemborong beras zon utara di Alor Setar, Kedah pada 27 Ogos lalu.

Katanya, itu merupakan langkah intervensi bagi meningkatkan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran.

"Melalui program khas BPT ini, Bernas akan memberikan kuota tambahan ini kepada pemborong-pemborong Bumiputera untuk menambah bekalan BPT negara.

"KPKM berharap dengan langkah intervensi ini, bekalan pasaran BPT akan kembali pulih dalam waktu terdekat dengan pertambahan pengeluaran BPT di pasaran," katanya hari ini.

Harga BPT masih kekal pada harga kawalan RM2.60 sekilogram (kg) sejak 2008 dan ia adalah harga terendah di rantau ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/9/2023 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan campur tangan tingkatkan beras 20 peratus

KUALA LUMPUR: Kerajaan melaksanakan langkah intervensi bagi meningkatkan bekalan beras putih tempatan di pasaran sebanyak 20 peratus.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berkata, pihak pengilang padi telah bersetuju memberi tambahan 20 peratus kuota padi kepada kerajaan melalui

Padiberas Nasional Berhad (Bernas) selain memberi kuota tambahan sama kepada pemborong-pemborong bumiputera.

Kementerian itu berkata, keputusan tersebut dicapai melalui sesi libat urus bersama industri pengilang padi dan pemborong beras zon utara pada 27 Ogos lalu di Alor Setar, Kedah.

"Kerajaan berharap dengan langkah ini, bekalan beras putih tempatan di pasaran akan kembali pulih dalam waktu terdekat dengan pertambahan jumlah pengeluarannya di pasaran.

"Sehingga kini, harga beras putih tempatan masih kekal pada harga kawalan RM2.60 sekilo gram sejak tahun 2008 dan ia adalah harga terendah di rantau ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Dalam pada itu, kementerian telah melancarkan Operasi Beras Putih (OP BPT) pada 16 Ogos lalu bagi menumpukan pemeriksaan dan penguatkuasaan peringkat pengilang padi dan pemborong beras di seluruh negara.

"Jika didapati ada pihak gagal memenuhi perundangan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522), kerajaan melalui kuasa Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras berhak membatalkan atau menggantung setiap lesen yang telah dikeluarkan," katanya.

Selain itu, kementerian akan mengadakan Sesi Dialog Belanjawan 2024 bersama pemain industri atau pihak berkepentingan di bawah subsektor padi pada 7 September ini di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang.

"Ia bertujuan bagi mendapatkan input dan pandangan daripada pemain industri untuk meningkatkan pengeluaran beras tempatan," katanya. - UTUSAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/9/2023 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

# Guna tanah terbiar untuk tanam lebih banyak padi - CAP



Gambar hiasan. Gambar kecil: Subbarow

*Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti Telegram dan TikTok kami*

GEORGETOWN - Kerajaan digesa supaya menyokong dan memberi insentif kepada petani di seluruh negara untuk menanam lebih banyak padi berbanding tanaman lain.

Pegawai Pendidikan dan Pegawai Semulajadi Pertanian Asli Persatuan Pengguna Pulau Pinang, NV Subbarow berkata, tanah yang tidak digunakan ketika ini harus digunakan untuk penanaman padi dan bukannya membina rumah.

"Tanah yang ada harus digunakan untuk menanam padi daripada digunakan untuk membina rumah yang mana, rumah yang ada sekarang pun tidak dibeli dan dibiarkan kosong sehingga bertahun-tahun.

"Oleh itu, dengan teknologi yang ada sekarang, kita memohon kepada kerajaan supaya menukarkan tanah yang terbiar ini kepada sawah padi," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Kata beliau, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) perlu memainkan peranan yang sangat penting dengan mendidik lebih ramai belia untuk menceburi dalam industri penanaman padi.

"Kementerian mempunyai banyak peranan penting antaranya menggalakkan belia untuk menanam padi. Mereka perlu diberi insentif. Kementerian juga perlu berusaha dengan menganjurkan bengkel khas untuk menerangkan cara menanam padi selain pentingnya padi kepada rakyat.

"Kementerian turut berperanan memujuk semula petani yang dahulunya menanam padi dan kini beralih ke tanaman lain supaya kembali menanam padi. Ia akan merancakkan lagi industri padi negara," katanya.

Padiberas Nasional Bhd (Bernas) menyelaraskan harga jualan beras putih import seluruh negara daripada RM2,350 satu tan kepada RM3,200 satu tan berkuat kuasa hari ini.

Bernas dalam satu kenyataan berkata, langkah pelarasan itu juga sejajar dengan harga terkini beras putih import di pasaran antarabangsa.

Bernas mengharungi separuh tahun pertama yang sangat mencabar disebabkan ketidaktentuan pelbagai faktor luaran seperti perubahan iklim, kadar pertukaran mata wang asing yang semakin lemah, kos operasi yang tinggi dan konflik serantau.

Faktor itu secara kolektif mencetuskan kesan ketara ke atas pasaran dagangan beras global, ditambah lagi dengan kesan larangan pengeksportan beras putih yang diumumkan oleh India baru-baru ini.

Bernas telah menanggung kesan kenaikan harga beras import sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Seiring dengan langkah peningkatan harga itu, Bernas memberi jaminan bekalan beras akan kekal stabil untuk Malaysia kerana keselamatan makanan dan kepentingan rakyat kekal menjadi keutamaannya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/9/2023 | GUANG MING DAILY | ONLINE | |

# BERNAS：廠商批發商允增 20% 固打 本地白米增加供應

FacebookTwitter 分享



（八打靈再也 2 日訊）農業及糧食安全部指出，北馬稻米廠商和批發商同意增加 20%的稻米固打給國家稻米公司（BERNAS），BERNAS 將會給予土著批發商額外的固打。

農糧部發文告指出，該部正在積極採取各項行動，增加市場上本地白米的供應量。

文告說，其中包括要求稻米廠商和批發商在"本地白米特別計劃"下在市場上提高 20%白米。

"我們與北馬稻米廠商和批發商已經於 8 月 27 日在吉打亞羅士打交流，他們同意增加 20%的稻米固打給國家稻米公司（BERNAS）。"

文告指出，通過"本地白米特別計劃"，BERNAS 將會給予土著批發商額外的固打，以增加國內本地白米的供應量。

"農糧部希望產量增加後，本地白米的供應量在近期內恢復。"

文告說，本地白米依然保持自 2008 年起每公斤 2 令吉 60 仙的統制品價格，這是區域最低的價格。

文告指出，農糧部將於 9 月 7 日在雪州沙登農業博覽館（MAEPS）舉行 2024 年財政預算案對話會，要求稻米及次領域的業界代表和相關單位出席。

"對話會的其中一個目的是徵詢業者的意見，以便提高本地白米的產量。"

國家稻米公司（BERNAS）週五宣佈，從 9 月 1 日起調整進口白米價格，從此每公噸 2350 令吉上漲 36%至 3200 令吉。

文告指出，農糧部將會繼續採取執法行動監管稻米與白米，民眾可以提供任何有關稻米與白米短缺的資料或向當局投訴。

文告說，農糧部及其執法組﹑國內貿易及生活費部聯手監督和管制稻米與白米，從 7 月 1 日起通過"保障行動"（Operasi Jamin）繼續監督、分享資訊和採取執法行動。

文告說，農糧部已經於 8 月 16 日推出"白米行動"，專司調查和取締全國的稻米廠商和白米批發商。

"任何一方違反 1994 年稻米和白米管制法令（522 法令）的規定，農糧部稻米和白米監管總監有權撤銷或吊銷執照。"

文告說，任何有關白米短缺的資料或投訴都可以通過各個管道提出。

投訴管道如下：

一、農糧部的稻米與白米監管單位（KPB）官網 https://skpb.kpkm.gov.my/adu
二、電郵至 aduankpb@kpkm.gov.my

三、布城 KPB 的熱線：03-88701751/1748/1183

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/9/2023 | SUMBERKINI | ONLINE | |

# KPKM Tingkatkan 20 Peratus Bekalan Beras Putih Tempatan



PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang giat melaksanakan langkah intervensi bagi meningkatkan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran.

Antara langkah yang diambil adalah meminta pihak pengilang padi dan pemborong beras untuk meningkatkan 20 peratus bekalan BPT melalui Program Khas Beras Putih Tempatan ke dalam pasaran.

Melalui sesi libat urus bersama pihak industri pengilang padi dan pemborong beras zon utara pada 27 Ogos 2023 bertempat di Alor Setar, Kedah, pihak pengilang padi telah bersetuju untuk memberikan tambahan 20 peratus kuota padi mereka kepada Kerajaan melalui BERNAS

Melalui Program Khas BPT itu, pihak BERNAS memberikan kuota tambahan kepada pemborong-pemborong Bumiputera untuk menambah bekalan BPT negara.

Sehingga kini, harga BPT masih kekal pada harga kawalan RM2.60/kg sejak tahun 2008 dan ianya adalah harga terendah di rantau ini.

Selain itu, pihak KPKM akan turut mengadakan Sesi Dialog Belanjawan 2024 Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Bersama Dengan Pemain Industri atau Pihak Berkepentingan di Bawah Subsektor Padi pada 7 September 2023 di MAEPS Serdang, Selangor.

Dalam masa sama, pemantauan berterusan di seluruh negara melalui kolaborasi bersepadu antara Kawalselia Padi dan Beras (KPB), KPKM dan Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Operasi Jamin (OP JAMIN) sejak 1 Julai 2023 adalah masih berterusan dalam meningkatkan penguatkuasaan, perkongsian maklumat dan pemantauan antara agensi.

KPKM telah melancarkan Operasi Beras Putih (OP BPT) bermula 16 Ogos 2023 bagi menumpukan pemeriksaan dan penguatkuasaan peringkat pengilang padi dan pemborong beras seluruh negara.

Sekiranya didapati ada pihak gagal untuk mematuhi perundangan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522], KPKM melalui kuasa Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras berhak untuk membatalkan atau menggantung setiap lesen yang telah dikeluarkan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 2/9/2023 | MYMETRO | ONLINE | |

# Pengilang padi, pemborong beras diminta tingkat bekalan




Putrajaya: Pengilang padi dan pemborong beras diminta untuk meningkatkan bekalan beras putih tempatan (BPT) sebanyak 20 peratus menerusi Program Khas Beras Putih Tempatan, sebagai langkah intervensi memulihkan bekalan itu di pasaran.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan, hari ini memaklumkan hasrat tersebut telah dipersetujui pengilang padi dan pemborong beras dalam satu sesi libat urus pada 27 Ogos lalu, di Alor Setar, Kedah.

"Melalui Program Khas BPT ini, pihak Padiberas Nasional Bhd (Bernas) akan memberikan kuota tambahan tersebut kepada pemborong-pemborong Bumiputera untuk menambah bekalan BPT negara," menurut kenyataan itu.

Menurut KPKM, harga BPT masih kekal pada harga kawalan iaitu RM2.60 sekilogram sejak 2008 dan ia merupakan harga terendah di rantau ini.

Ia diikuti Thailand yang menjual komoditi itu pada harga RM2.70 sekilogram dan Kemboja RM3.20 sekilogram.

Menurut KPKM, Sesi Dialog Belanjawan 2024 KPKM bersama pemain industri dan pihak berkepentingan di bawah subsektor padi akan diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), pada 7 September ini.

Sesi tersebut bertujuan mendapatkan input dan pandangan daripada pemain industri mengenai kaedah meningkatkan pengeluaran BPT.

Dari segi pemantauan terhadap komoditi itu, KPKM memaklumkan ia dijalankan secara berterusan menerusi Operasi Jamin (Op Jamin) yang diperkenalkan pada 1

Julai lepas, dengan kerjasama Kawalselia Padi dan Beras serta Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Kementerian itu turut melancarkan Operasi Beras Putih (Op BPT) pada 16 Ogos lepas yang menumpukan pada pemeriksaan dan penguatkuasaan di peringkat pengilang padi dan pemborong beras di seluruh negara.

Menurut KPKM, sebarang kesalahan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522), boleh menyebabkan lesen pihak terbabit dibatal atau digantung menerusi kuasa Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras.